



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
ARAS 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR

Telefon : (03) 2618 9958
Faks : (03) 2618 9844
Laman Web <http://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : (22) dlm.PKR(L)2/1/90
Tarikh : 28 Mac 2019

Semua Pembekal/Pengilang

Tuan,

PEMAKLUMAN BERKENAAN PENETAPAN BARU BAGI PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN BAHAN/BARANGAN DALAM EMAL JKR.

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.


2. Adalah dimaklumkan, berdasarkan semakan pejabat ini, pembaharuan pendaftaran bahan/barangan dalam EMAL biasanya mengambil sedikit masa kerana terdapat maklumat yang dikemukakan tidak lengkap atau berbeza berbanding sijil kelulusan asal.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pihak pembekal/pengilang mengambil serius akan kecukupan dan integriti maklumat-maklumat yang dikemukakan semasa permohonan pembaharuan pendaftaran serta bagi memendekkan lagi tempoh proses pembaharuan, Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Bahan (JKB) Cawangan Kejuruteraan Elektrik Bil. 2/2019 telah membuat ketetapan seperti berikut:

a. Tindakan **menggantung pendaftaran selama enam (6) bulan** akan dikenakan kepada pembekal/pengilang yang sengaja atau dengan cuai:

- i) Mengesahkan bahawa pembaharuan bagi bahan/barangan adalah sama sebagaimana pendaftaran sebelumnya namun sebenarnya ada perbezaan dan/atau ada pertambahan model;
- ii) Tidak bertindak atau tidak mengemukakan maklumat sebagaimana di Borang Akuan Sumpah;
- iii) Mengemukakan sampel bahan/barangan yang berbeza daripada laporan ujian dan/atau kelulusan terdahulu (bagi bahan/barangan MCB & MCCB).


..2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



SRIM



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281




SRIM



CERTIFIED TO OHSAS
18001:2007



SRIM



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: EnR 0013

Ruj. Kami : (22)dlm.PKR(L)2/1/90
Tarikh : 28 Mac 2019

-2-

b. Jika sekiranya sijil pembaharuan telah dikeluarkan kepada pembekal/pengilang namun didapati terdapat isu integriti maklumat atau *fraud* semasa audit dilaksanakan atau menerima aduan mengenainya, kelulusan pendaftaran bahan/barangan tersebut akan dibawa ke JKB untuk penilaian. Jika JKB bersetuju telah berlaku isu *fraud*, maka:

- i) Sijil tersebut akan **ditarik balik**; dan
- ii) Bahan/barangan tersebut akan **digantung** pendaftaran selama **1 tahun** atau apa-apa tempoh yang dirasakan munasabah oleh JKB.

4. Penetapan baru ini akan berkuatkuasa mulai **01 April 2019**. Perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' IR. HJ. SHUIB BIN TABRI)
Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
 Kuala Lumpur.